

UTHM, IPGKTHO dan SIC 'khatarkan' anak-anak yatim

25

PARIT RAJA – Gabungan tiga badan iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn (IPGKTHO), Batu Pahat dan Saga Iswara Club (SIC), Batu Pahat meneruskan aktiviti tahunan mereka dengan 'mengkhatarkan' anak-anak yatim baru-baru ini.

Penyelaras Majlis Berkhataran Pelajar Sekitar Parit Raja, Muhd Faizal Muhd Ramli berkata, kerja amal tahunan tersebut dilaksanakan bagi meringankan beban golongan terbabit dan muah melihat mereka mempunyai hubungan erat dengan ketiga-tiga badan berkenaan.

Muhd Faizal berkata, anak-anak yatim di sekitar kawasan Parit Raja ini dianggap sebagai 'tetamu' dan mereka wajar menerima layanan yang baik.



Anak-anak yatim dimandikan beramai-ramai sebelum acara berkhataran dilakukan.

Menurutnya, seramai 16 murid berumur sekitar 11 tahun dikhaskan dan mereka ini bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Gading, SK Pintas Puding dan SK Pintas Jaya.

"Diharapkan kepada mereka yang menyertai program ini dapat mempelajari sesuatu iaitu kemerahan berkhataran beramai-ramai sebagaimana yang

dilakukan oleh mereka terdahulu."

"Sebelum berkhataran mereka akan dirai sebagaimana pengantin iaitu dikompangkan dan juga diarak menuju kawa-

san di mana tempat mereka bakal dikhaskan."

"Sudah tentu ia sesuatu pengalaman yang menyerokkan bagi mereka ini berbanding dengan mereka

yang berkhatan di klinik atau hospital kerana tidak melalui pengalaman berkenaan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Wakil Naib Canselor bagi menjalankan tugas Hal Ehwal Pelajar UTHM; Profesor Ir Dr Amer Hashim Mohd Kassim, Pengarah IPGKTHO; Zaleha Onn dan Guru Besar SK Pintas Puding, Hamzah Abd Jamak.

Faizal berkata, golongan seperti ini sememangnya memerlukan perhatian dan sebagai warga universiti serta orang ramai mereka perlu memberi galakan kepada anak-anak yatim ini.

"Di kesempatan ini pihak kami bersama pengajur yang lain berharap kerjasama seperti ini akan dapat diteruskan lagi demi membela dan membantu anak-anak yatim," katanya.